

14) MENGECAT SEMULA BANGUNAN STRATA PUTRA PERDANA

Adun : Y.B. Datuk Seri Jamil Bin Salleh (Dengkil)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk membaik pulih ataupun mengecat semula bangunan-bangunan strata yang uzur seperti di kawasan strata di Putra Perdana bersempena Tahun Melawat Selangor ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sempena Tahun Melawat Selangor 2025, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan kawasan perumahan berstrata, khususnya pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah, berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Sehubungan itu, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menyediakan peruntukan khas di bawah Skim CERIA (*Caring Government For Residents' Improvement Aid*) bagi melaksanakan kerja-kerja baik pulih pangsapuri yang uzur. JMB/MC di Pangsapuri Taman Putra Perdana juga boleh memohon skim ini bagi mendapatkan bantuan baik pulih yang diperlukan.

Selain itu, bagi tujuan pengecatan semula bangunan pangsapuri, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan melalui Projek Iltizam Selangor Penyayang (PSP). Program ini merangkumi kerja-kerja mengecat semula fasad bangunan di kawasan perumahan berstrata, termasuk pangsapuri dan rumah kos rendah, bagi mempertingkatkan imej serta menceriakan persekitaran menjelang Tahun Melawat Selangor 2025. Permohonan bantuan pengecatan di bawah Projek Iltizam Selangor Penyayang (PSP) boleh dikemukakan melalui Pejabat Penyelaras DUN, dan setiap permohonan akan dinilai oleh peringkat jawatankuasa khas sebelum kelulusan diberikan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan perumahan berstrata terjaga, sekaligus menyumbang kepada daya tarikan Selangor sebagai destinasi pelancongan utama pada tahun 2025.